



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back



Foto: BERNAMA

▲ Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (dua, kiri) melancarkan Buku Tokoh-Tokoh Ulama Melayu Nusantara pada majlis perasmian Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru Kafa Peringkat Negeri Selangor 2016 di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan SUK, semalam.

“ Ancaman terhadap umat Islam yang mengamalkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah juga semakin jelas sejak kebelakangan ini kesan daripada pihak berkepentingan.”

SULTAN BIMBANG AJARAN SESAT

Sultan Sharafuddin Idris Shah tidak mahu rakyat terjerumus dalam perkara merosakkan akidah

35

Bersatu pertahan agama Islam

Sultan Selangor gesa Jakim, PDRM, Mais dan Jais bekerjasama salur maklumat banteras pengaruh ajaran sesat

■ **MARLIA ZAKARIA**
SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan kebimbangan berikutan pengaruh ajaran sesat masih gagal dibanteras.

semakin jelas kelihatan. “Beta bimbang pengaruh ajaran sesat yang masih gagal dibanteras sepenuhnya di Selangor. Beta tidak mahu rakyat terjerumus dalam perkara yang merosakkan akidah.

Titah baginda, ancaman daripada pihak-pihak tertentu yang berkepentingan terhadap umat Islam dalam negara juga

“Ancaman terhadap umat Islam yang mengamalkan pegangan Ahli Sunnah Wal

Jamaah juga semakin jelas sejak kebelakangan ini kesan daripada pihak berkepentingan,” titahnya.

Titah Sultan Selangor lagi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Jabatan Agama Islam

Selangor (Jais) diminta bekerjasama mempertahankan kedudukan Islam.

“Beta berharap agar Jakim, PDRM, Mais dan Jais sentiasa bekerjasama menyalurkan maklumat dan bertindak terhadap anasir yang mencabar kedudukan Islam sebagai agama rasmi persekutuan.



29 Apr 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: | MARLIA ZAKARIA • Section: Nasional • Page: 1,35 • Printed Size: 567.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,292.00
PR value: MYR 24,876.00 • Item ID: MY0025895296



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

back

“Beta juga berkenan jika program pengajian ilmu secara berkitab dapat dilaksanakan di masjid dan surau. Mais dan Jais boleh tentukan kitab-kitab sesuai dan kenal pasti guru-guru berkelayakan untuk diberi latihan intensif yang dilantik pihak Jais,” titah baginda dalam ucapan Program Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru

Kafa Peringkat Negeri Selangor, semalam.

Dalam ucapan sama, baginda turut menyokong program tersebut yang disifatkan sebagai landasan untuk penyelesaian isu berhubung kepentingan umat Islam.

“Sudah sampai masanya kita buka mata, bertukar pendapat dan cari penyelesaian terhadap isu ini,” titah baginda.

Baginda turut berterima kasih kepada kerajaan persekutuan yang membantu Kerajaan Selangor dan berharap kedua-duanya sentiasa bekerjasama.

“Terima kasih kepada kerajaan persekutuan melalui Jakim kerana bantu Selangor menyediakan peruntukkan hampir RM38 juta untuk bayaran elaun semua imam mas-

jid kariah dan elaun mengajar guru-guru takmir; guru Kafa dan penolong pegawai penyelaras takmir masjid.

“Juga kepada kerajaan negeri yang setuju membayar elaun tambahan imbuhan semua imam masjid kariah sebanyak RM150 dan elaun guru Kafa,” titahnya.



Pengarah Jais, Datuk Haris Kasim (kiri) menerangkan sesuatu kepada Sultan Sharafuddin sambil diperhatikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom. FOTO: IHSAN SELANGORKINI



29 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 78.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 672.00
PR value: MYR 2,016.00 • Item ID: MY0025895312

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

 back

Nafi iktiraf pusat perubatan tradisional

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menafikan pihaknya memberi pengiktirafan kepada sebuah pusat perubatan tradisional di Kuala Lumpur yang mendakwa memiliki pingat daripada badan agama berkenaan bagi melindungi dan memberi syafaat kepada orang Islam.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim berkata, dakwaan tersebut sama sekali tidak benar dan bersifat penipuan yang bertujuan memanipulasi fungsi Jais untuk kepentingan peribadi.

"Dakwaan pusat perubatan berkenaan adalah karut dan menyalahi syariat agama serta menggelirukan orang Islam.

"Saya kira perkara ini adalah ajaran sesat kerana pemilik pusat

perubatan berkenaan dakwa dirinya mampu beri syafaat dan melindungi orang ramai.

"Saya harap orang ramai jangan terpengaruh dengan perkara karut seperti ini dan dapatkan pengesahan atau rujuk Jais untuk sebarang kepastian berhubung kemusykilan agama," katanya.

Menurutnya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) akan mengambil tindakan ke atas pusat rawatan tradisional itu.

Baru-baru ini, satu risalah yang mempromosikan sebuah pusat perubatan tradisional di ibu kota mendakwa pemiliknya mempunyai kuasa luar biasa yang mampu merawat, berkomunikasi dengan tuhan dan mampu melindungi manusia melalui syafaatnya.

Headline	Tindakan ikut undang-undang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,002
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,005



'Tindakan ikut undang-undang'

MDKL sudah serah notis kepada pemilik premis sebelum bertindak turunkan khemah, sita peralatan pameran

BANTING- Tindakan penguatkuasa Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menurunkan khemah dan menyita 10 unit peralatan pameran dan jualan di bawah khemah di Pekan Banting, pagi semalam adalah mengikut undang-undang yang ditetapkan.

Jurucakap MDKL berkata, pihak majlis memandang serius terhadap pemilik premis perniagaan yang dengan jelas melakukan kesalahan mendirikan bangunan sementara (khemah) untuk tujuan promosi jualan tanpa kebenaran dan mengingkari Notis Kesalahan di bawah Akta 133, Akta Jalan Parit dan Bangunan, 1974 di bawah Seksyen 70.

Menurutnya, keingkaran pihak pemilik premis membuatkan pihak majlis bertindak walaupun notis kesalahan dan notis pemberitahuan serta arahan membuka khemah serta-merta telah disampaikan kepada pemilik premis tersebut.

"Pemilik premis telah diberikan notis kesalahan yang boleh dikompaun dan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh hari.

"Pihak PBT berharap pemilik premis perniagaan di daerah ini menitikberatkan kepentingan awam dan

dalam hal ini struktur yang didirikan telah menyebabkan gangguan lalu lintas dan lokasi tersebut berdekatan persimpangan jalan utama yang sibuk," katanya.

MDKL mempraktikkan dasar pintu terbuka di mana pihak PBT sentiasa membuka ruang untuk masyarakat atau pemilik perniagaan untuk berbincang dalam apa jua perkara atau masalah yang dihadapi.

Sementara itu, pengusaha premis berkenaan, Yap Kong Heng berkata, permohonan lesen telah dibuat sejak tiga minggu lalu, namun tidak diluluskan MDKL.

"Lokasi jualan yang merupakan tanah persendirian iaitu bersebelahan tapak Pejabat Pos Lama sebenarnya tak ada masalah.

"Tapi bila dah ada penguat kuasa datang dan turunkan khemah, saya kecewalah sebab tak diberi kompaun atau apa-apa sebelum tu.

"Saya dah rugi dekat RM10,000 sebab sepatutnya jualan saya bermula hari ni (semalam)," katanya.

Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, beliau turut hadir ke lokasi sejurus menerima aduan daripada

peniaga berkenaan.

Katanya, pengusaha terbabit memohon rayuan mendapatkan lesen tetapi ditolak atas faktor keselamatan jalan raya disebabkan tiada tempat letak kenderaan.

"Isu tak ada tempat letak parkir sebenarnya tak timbul sebab kebanyakan laluan tersebut mempunyai kedai.

"Tak semestinya pelanggan letak kenderaan di bahu jalan sedangkan banyak lagi kawasan lain boleh letak kenderaan," katanya.

Hasnul berkata, beliau memohon Yang Dipertua MDKL, memandang serius perkara tersebut.

Katanya, jika benar mengganggu trafik, mungkin terdapat alternatif lain untuk membantu peniaga dan bukannya mengadakan operasi rampasan barangan.

"Mujur produk perabot mereka tak diangkut sekali. Saya faham penguatkuasa MDKL jalankan tugas mereka disebabkan arahan telah dikeluarkan, namun sebagai pemimpin saya pohon diberi kebenaran untuk berniaga seperti yang dipohon dengan budi bicara yang baik," katanya.



Operasi menurunkan khemah jualan promosi perabot dan tilam dilakukan anggota penguatkuasa MDKL.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia Bhd)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Permukaan lebuhraya tak rataancam pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,384
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,152



Permukaan lebuhraya tak rataancam pengguna

JENJARUM - Permukaan jalan yang tidak rata dan beberapa lokasi retak di laluan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) perlu diberi perhatian.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, ketika memandu di laluan Kilometer 26.1 Lebuhraya SKVE menghala ke arah Pulau Indah, beliau dapati terdapat kesan retakan di tengah-tengah cerucuk jambatan (ramp) di lebuhraya itu.

"Tidak dinafikan laluan itu adalah salah satu jaringan lebuhraya yang jadi pilihan pengguna jalan raya kerana memendekkan masa dari bandar ke desa.

"Tapi saya minta pihak bertanggungjawab serius, bukan sahaja isu retak malah keadaan permukaan jalan yang tidak rata seperti cerun yang tidak selamat untuk pengguna lebuhraya.

"Satu surat aduan dan gambar yang saya sendiri ambil awal pagi semalam telah dihantar untuk perhatian dan tindakan pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan berkaitan," katanya.

Chee Heng berkata, beliau beberapa kali menerima aduan mengenai laluan tersebut sekali gus mengharapkan ada perubahan.

Katanya, beliau bimbang berlaku kemalangan disebabkan laluan jalan yang tidak rata.



Chee Heng menunjukkan surat yang akan dihantar kepada pihak bertanggungjawab.

Keretakan yang dikesan di laluan lebuhraya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Malaysian Highway Authority (MHA) (Malaysian Highway Authority	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

Bantu kurangkan kesesakan trafik

Persimpangan bertingkat Seksyen 7 dibuka mulai semalam, mampu rancakkan pertumbuhan ekonomi

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Pembukaan persimpangan bertingkat di Seksyen 7 dilihat bakal memberikan nilai hartanah dan alam sekitar yang tinggi selaras dengan kerancangan pembangunan di Shah Alam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, menerusi pembinaan tersebut ia mampu menarik minat pelabur asing dan tempatan untuk mengembangkan perniagaan di Selangor.

"Persimpangan ini adalah mercu tanda untuk meningkatkan lagi 'connectivity' jalan raya di Shah Alam.

"Pembangunan persimpangan ini bukan untuk kepentingan mana-mana individu atau pihak tertentu sebaliknya ia akan memberikan nilai tambah kepada pertumbuhan sosial ekonomi yang rancak yang berlangsung di negeri ini.

"Justeru itu, kerajaan negeri komited menaikkan 'inter-connectivity' pengangkutan awam ke semua lingkaran Selangor dan Lembah Klang," katanya ketika berucap pada majlis perasmian persimpangan ber-

tingkat Seksyen 7, di sini, semalam.

Beliau yang juga Adun Bukit Antarabangsa berkata, kerajaan negeri juga yakin dengan penambahbaikan pengangkutan awam dan jajaran jalan raya yang mampan akan membantu sistem penyuraian trafik termasuk merealisasikan nisbah pengangkutan kepada persendirian iaitu 60:40.

"Bagi memenuhi keperluan pembangunan sosial dan ekonomi, kerajaan negeri memperuntukkan RM373 juta untuk 2016 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membiayai pembangunan projek infrastruktur dan kemudahan awam.

"Daripada jumlah itu, RM199.2 juta disediakan bagi membina dan menaik taraf jaringan jalan raya di Persiaran Mokhtar Dahari dengan kos pembangunan RM157 juta, selain membina jaringan Kota Warisan di Sepang dengan kos RM109 juta," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin turut mengingatkan kerajaan persekutuan agar berunding terlebih dahulu dengan kerajaan negeri sebelum meluluskan sebarang aktiviti pembangunan.

"Peringatan itu selaras dengan peruntukan Seksyen 20 (A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang menuntut rundingan antara kedua-dua pihak sebelum sebarang kelulusan diberikan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), Raja Shahreen Raja Othman berkata, persimpangan bertingkat Seksyen 7 yang dibuka mulai semalam dijangka bakal mengurangkan 43 peratus kesesakan lalu lintas di kawasan persekitaran.

Menurutnya, melalui pembinaan tersebut ia bakal memudahkan pengaliran trafik khususnya di Persiaran Kayangan, Persiaran Permai, Lorong Keluli, Persiaran Bestari, Padang Jawa, Jalan Plumbum, Jalan Kristal dan Jalan Platinum.

"Dengan terbina persimpangan itu, ia memberi kemudahan kepada lebih 100,000 kenderaan untuk menggunakan laluan itu setiap hari dengan lancar," katanya.

Projek berkenaan adalah milik penuh MBI, manakala Perbadanan

Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bertindak sebagai pengurus projek.

Sementara itu, Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah berkata, projek tersebut menelan kos kira-kira RM50 juta.

"Kerja-kerja pembinaannya memakan masa tiga tahun yang mana ia bermula pada 2 April 2012.

"Pembinaan dari Lebuhraya Persekutuan ke pembangunan di Seksyen 7 ini dibuat sebagai satu langkah untuk menyuraikan pengaliran trafik," katanya.



Mohamed Azmin meninjau persimpangan bertingkat Seksyen 7 selepas majlis perasmianya, semalam. Foto: Sharifuddin Abd Rahim



Aplikasi khas Jais bantu kesan status sijil halal

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) kini dalam usaha membangunkan sistem yang menggunakan kemudahan teknologi terkini bagi mengesan status sijil halal.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim berkata, ia bertujuan memudahkan pengguna yang ingin mendapatkan kepastian sama ada sijil halal yang dipamerkan di premis sah atau tidak.

“Kami akan berbincang dan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengenai aplikasi yang akan diusahakan ini.

“Pengguna nanti mungkin boleh membuat semakan hanya menggunakan telefon pintar sama ada status logo yang digunakan tulen atau tidak sah,” katanya selepas Majlis Perasmian Penutup Seminar Eksekutif Halal Negeri Selangor 2016.

Menurutnya, Jais dengan kerjasama Jakim kerap membuat pantauan bagi memastikan pemegang sijil halal sentiasa mematuhi peraturan bukan sekadar bahan yang digunakan, malah aspek kebersihan dan pengendalian makanan juga perlu dipatuhi.

“Jika gagal patuhi syarat semasa audit dilakukan, sijil akan ditarik balik. Ada kemungkinan pengguna tak tahu tentangnya dan di situlah aplikasi tersebut memainkan peranan.

“Kesalahan mempamerkan sijil tidak sah atau yang ditarik balik, denda maksimum RM250,000 boleh dikenakan,” katanya.

Haris berkata, jika kaedah ini berjaya dilaksanakan, isu agama tidak akan timbul memandangkan 60 peratus pengusaha adalah bukan Islam.

“Pemegang sijil halal kebanyakannya adalah pengusaha bukan Islam dalam usaha menarik pengguna Islam. Jadi, tak timbul isu agama di sini. Apabila guna kaedah ni, pengguna tak ragu-ragu untuk menikmati makanan di premis-premis pilihan,” katanya



Haris ketika ucapan perasmian penutup Seminar Eksekutif Halal Negeri Selangor 2016.

Menurutnya, pihak terlibat mengeluarkan sijil halal perlu sentiasa tegas dalam mematuhi sijil piawaian (ISO) dan tidak boleh berkompromi dengan mana-mana pihak.

“Kalau dalam proses pembuatan atau penghasilan sesuatu bahan, tidak boleh berkompromi dan mesti ikut arahan ditetapkan.

“Ia perlu dijadikan keutamaan dalam memartabatkan aspek halal dan sebarang isu berkaitan perlu ditangani dengan berhati-hati,” katanya.

Dalam pada itu, program tersebut bertujuan menghimpunkan pegawai halal dari industri yang mendapat pengiktirafan sijil halal di Selangor yang melibatkan 95 syarikat dengan jumlah 209 peserta.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

Bantu kurangkan kesesakan trafik

Persimpangan bertingkat Seksyen 7 dibuka mulai semalam, mampu rancakkan pertumbuhan ekonomi

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Pembukaan persimpangan bertingkat di Seksyen 7 dilihat bakal memberikan nilai hartanah dan alam sekitar yang tinggi selaras dengan kerancangan pembangunan di Shah Alam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, menerusi pembinaan tersebut ia mampu menarik minat pelabur asing dan tempatan untuk mengembangkan perniagaan di Selangor.

"Persimpangan ini adalah mercu tanda untuk meningkatkan lagi 'connectivity' jalan raya di Shah Alam.

"Pembangunan persimpangan ini bukan untuk kepentingan mana-mana individu atau pihak tertentu sebaliknya ia akan memberikan nilai tambah kepada pertumbuhan sosial ekonomi yang rancak yang berlangsung di negeri ini.

"Justeru itu, kerajaan negeri komited menaikkan 'inter-connectivity' pengangkutan awam ke semua lingkaran Selangor dan Lembah Klang," katanya ketika berucap pada majlis perasmian persimpangan ber-

tingkat Seksyen 7, di sini, semalam.

Beliau yang juga Adun Bukit Antarabangsa berkata, kerajaan negeri juga yakin dengan penambahbaikan pengangkutan awam dan jajaran jalan raya yang mampan akan membantu sistem penyuraian trafik termasuk merealisasikan nisbah pengangkutan kepada persendirian iaitu 60:40.

"Bagi memenuhi keperluan pembangunan sosial dan ekonomi, kerajaan negeri memperuntukkan RM373 juta untuk 2016 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membiayai pembangunan projek infrastruktur dan kemudahan awam.

"Daripada jumlah itu, RM199.2 juta disediakan bagi membina dan menaik taraf jaringan jalan raya di Persiaran Mokhtar Dahari dengan kos pembangunan RM157 juta, selain membina jaringan Kota Warisan di Sepang dengan kos RM109 juta," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin turut mengingatkan kerajaan persekutuan agar berunding terlebih dahulu dengan kerajaan negeri sebelum meluluskan sebarang aktiviti pembangunan.

"Peringatan itu selaras dengan peruntukan Seksyen 20 (A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang menuntut rundingan antara kedua-dua pihak sebelum sebarang kelulusan diberikan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI), Raja Shahreen Raja Othman berkata, persimpangan bertingkat Seksyen 7 yang dibuka mulai semalam dijangka bakal mengurangkan 43 peratus kesesakan lalu lintas di kawasan persekitaran.

Menurutnya, melalui pembinaan tersebut ia bakal memudahkan pengaliran trafik khususnya di Persiaran Kayangan, Persiaran Permai, Lorong Keluli, Persiaran Bestari, Padang Jawa, Jalan Plumbum, Jalan Kristal dan Jalan Platinum.

"Dengan terbina persimpangan itu, ia memberi kemudahan kepada lebih 100,000 kenderaan untuk menggunakan laluan itu setiap hari dengan lancar," katanya.

Projek berkenaan adalah milik penuh MBI, manakala Perbadanan

Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bertindak sebagai pengurus projek.

Sementara itu, Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah berkata, projek tersebut menelan kos kira-kira RM50 juta.

"Kerja-kerja pembinaannya memakan masa tiga tahun yang mana ia bermula pada 2 April 2012.

"Pembinaan dari Lebuhraya Persekutuan ke pembangunan di Seksyen 7 ini dibuat sebagai satu langkah untuk menyuraikan pengaliran trafik," katanya.



Mohamed Azmin meninjau persimpangan bertingkat Seksyen 7 selepas majlis perasmian, semalam. Foto: Sharifuddin Abd Rahim



29 Apr 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 42 • Printed Size: 295.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,314.38
PR value: MYR 12,943.14 • Item ID: MY0025895404



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

Felda wajar jadi ikon pelancongan

Terdapat banyak tempat menarik, kawasan bersejarah untuk dilawati

HULU SELANGOR - pelancong.

Kawasan Felda wajar dijadikan ikon pelancongan yang mampu menarik kunjungan pelancong seterusnya menjadi antara kawasan pelancongan terbaik di Hulu Selangor.

Yang Dipertua Jawatankuasa Kemajuan, Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Hulu Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan berkata, perkara itu sudah terbukti dapat dibuat di Felda Sungai Tengi, yang mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati

“Saya percaya orang luar khususnya pelancong luar negara mahu melihat hasil produk dari kampung seperti di Felda yang tiada di tempat lain.

“Di Felda, kita ada ladang kelapa sawit, getah dan banyak kawasan bersejarah yang boleh dijadikan kawasan tarikan pelancong,” katanya selepas Majlis Penilaian Komuniti 1Malaysia Terbaik Peringkat Kebangsaan 2016 di Desa Maju Sungai Tengi, semalam.

Menurutnya, keramahan penduduk kampung mampu menjadi salah satu tarikan lain yang mampu menarik minat pelancong untuk ke kawasan Felda.

Jelasnya, kawasan Felda boleh menjadi kawasan kegemaran pelancong untuk menginap selain kawasan peranginan lain.

“Ia kerana, kawasan Felda ada keistimewaannya dan mempunyai pelbagai makanan lazat yang dimasak sendiri oleh penduduk kampung.

“Keramahan penduduk kampung dan sentiasa muafakat dalam melakukan semua perkara juga saya akui boleh jadi tarikan pelancong,” katanya.

Tambahnya, Almarhum Sultan Selangor dahulu juga menjadikan Felda Sungai Tengi sebagai kawasan kegemaran baginda.

“Majlis penilaian ini juga menjadi platform dan pendekatan kerajaan pusat yang boleh membawa banyak manfaat kepada masyarakat.

“Program seperti ini ter-

bukti memberi galakan sifat kerukunan dalam kampung terutama aspek perpaduan dan kerjasama,” katanya.

Adun Batang Kali itu juga

berkata, dengan pertambahan pelancong yang datang, ia salah satu platform untuk memperbaiki dan menaikkan tahap kehidupan masyarakat kampung supaya lebih baik terutama dari

segi ekonomi.

“Saya yakin pelancong akan rasa teruja dan akan datang semula.

“Di Sungai Tengi saja sudah ada lebih 30 inap desa lo-

kasi penginapan pelancong dan ini bukti kawasan Felda tidak kurang hebatnya untuk dijadikan kawasan peranginan dan pelancongan,” katanya.



Mat Nadzari (kiri) pada lawatan di gerai pameran makanan tradisional ketika merasmikan Majlis Penilaian Komuniti 1Malaysia Terbaik Peringkat Kebangsaan 2016 di Desa Maju Sungai Tengi, semalam.



29 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 133.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,945.00
PR value: MYR 5,835.00 • Item ID: MY0025895313



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

Jais terima pegawai polis

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menjadi Jabatan Agama Islam Negeri pertama di Malaysia yang menerima anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk bekerjasama secara rapat bagi menguatkuasakan undang-undang mengenai hal ehwal Islam di Selangor.

Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha berkata, kerjasama bertujuan menangani isu berkaitan ajaran sesat, Syiah dan membantu serta menasihati pegawai penguatkuasa Jais di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

“Seramai tiga anggota polis berpangkat pegawai terpilih dan ditempatkan di Jais untuk tujuan berkenaan.

“Penempatan anggota polis ini dikenali sebagai Projek Rintis yang mengambil masa selama setahun



Haris menyampaikan cenderahati kepada Pengarah Pengurusan PDRM Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah sambil diperhatikan Othman (dua, kiri).

bermula dari 1 Mei ini hingga 30 April 2017,” katanya ketika sidang media Majlis Penyerahan Pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada Jais Bagi Pelaksanaan Projek Rintis Penempatan Pegawai PDRM,

semalam.

Pengarah Jais, Datuk Haris Kasim berkata, Projek Rintis adalah sesuatu yang dinantikan Jais bagi menguatkuasakan hal ehwal Islam di negeri ini.



29 Apr 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Na'imah Mohamed • Section: Nasional • Page: 10 • Printed Size: 255.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,790.07
PR value: MYR 26,370.21 • Item ID: MY0025895628



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

back

Polis bantu pegawai agama

» 4 anggota PDRM berkhidmat setahun di JAIS bermula 1 Mei

Oleh Na'imah Mohamed
bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

Penempatan pegawai dan anggota polis di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dapat membantu meringankan tanggungjawab dan cabaran Pegawai Penguat kuasa Agama (PPA) di jabatan berkenaan.

Pelancaran Projek Rintis Penempatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang diselenggarakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) itu, dilaksanakan di Jabatan Agama Islam

Selangor (JAIS) dengan penyerahan tiga pegawai dan anggota polis yang akan berkhidmat setahun bermula 1 Mei ini sehingga 30 April tahun depan.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, berkata projek itu diilhamkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, bagi membantu pihak berkuasa agama dalam menguatkuasakan undang-undang syariah.

Tangani kes kritikal

“Kes ancaman akidah dan ajaran sesat, konflik berkaitan perundangan syariah, isu gejala sosial dan persoalan hak kebebasan kini semakin kompleks dan mencabar.

“Sehubungan itu, sokongan dan khidmat profesionalisme daripada anggota PDRM bagi membantu jentera organisasi penguatkuasaan JAIN dalam mengendalikan kes syariah amat kritikal dan tepat pada masanya.

Kerjasama PDRM, JAIS

“Justeru, kami mengharapkan

kerjasama dalam bentuk strategi lautan biru antara PDRM dan JAIS, khususnya dapat diperkukuh dan diperluaskan pada masa akan datang dan akan dinilai keberkesanannya dari semasa ke semasa,” katanya pada sidang media di Bangunan Sultan Idris Shah di sini, semalam.

Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM, Datuk Seri Zulkifli Abdullah menyerahkan tiga pegawai dan anggota dari pelbagai jabatan dan pangkat terbabit kepada Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim.

Headline	DAP, PKR belum capai kata sepakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,501



DAP, PKR belum capai kata sepakat

Kuching: Pertembungan DAP dan PKR di enam kerusi belum mencapai penyelesaian apabila kedua-dua parti kelihatan lebih berminat membawa haluan sendiri pada hari kelima berkempen semalam.

Malah, Pengerusi DAP Sarawak, Chong Chieng Jien, enggan mengulas perkembangan terkini isu berkenaan.

“DAP hanya memberi tumpuan kepada kempen, termasuk mengetengahkan calon sendiri supaya pengundi mengenali calon yang dipilih oleh parti.

“Urusan lain (berhubung pertelagahan) kita akan selesaikan kemudian, malah belum ada perbincangan dengan PKR,” katanya pada sidang media di ibu pejabat parti itu di sini, semalam.

Beliau mengakui DAP terpaksa meletak calon Melayu di kerusi baharu Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Kitang, Abdul Aziz Isa Marindo, untuk meraih majoriti lebih besar, khususnya daripada pengundi Bumiputera.

Isu dapat diselesaikan segera

Di **Shah Alam**, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berharap isu membabitkan semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak yang bertindih dengan DAP dapat diselesaikan segera.

Katanya, Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sudah bertemu dengan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dua hari lalu, berhubung isu berkenaan.

“Kami sedang berusaha untuk kali terakhir bagi mencapai penyelesaian bagi kerusi yang bertindih dan berharap ia dapat diselesaikan dengan segera.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Gamuda Bhd - Penang News (Gamuda Bhd (Penang))	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



29 Apr 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Na'imah Mohamed • Section: Nasional • Page: 10 • Printed Size: 255.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,790.07
PR value: MYR 26,370.21 • Item ID: MY0025895628



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

[back](#)



Zulkifli (tengah), Othman (tiga dari kanan) dan Haris (kanan) pada **majlis penyerahan pegawai PDRM kepada JAIS** di Shah Alam, semalam. [FOTO SITI NAIMAH MOHAMED/BH]



29 Apr 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 1355.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 26,780.64
PR value: MYR 80,341.92 • Item ID: MY0025896598



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

LEMBAH KLANG

KEHENDAHAN tasik terus dicemari aktiviti tidak bermoral golongan songsang. -UTUSAN/ZAINI HUSSAIN

KEHENINGAN malam tidak mengugat keinginan golongan homoseksual untuk bertemu pasangan masing-masing di Taman Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur.

TAMAN permainan kanak-kanak turut menjadi tumpuan golongan songsang menadu kasih.


SEBUAH kenderaan memasuki kawasan Tasik Perbandaran Kelana Jaya, Selangor yang dirakamkan jurugambar Utusan Malaysia.

Pihak berkuasa tempatan digesa serius tangani isu tidak bermoral di taman awam

'Sarang cinta songsang'



back



SKUAD TERJAH

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SHUHAIMI dan AMIRUL AINAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

MUKADIMAH
Taman-taman awam merupakan akses penting untuk rakyat menjalani gaya hidup sihat, terutamanya penduduk di kawasan bandar.
Selain Kuala Lumpur, Petaling Jaya antara bandar raya yang menitikberatkan pembangunan seimbang termasuk pembukaan lebih banyak taman-taman awam di kawasan pentadbirannya.
Ini bagi memastikan kesejahteraan dan kesejahteraan setiap warganya.
Malangnya, sejak akhir-akhir ini taman-taman awam yang dilihat sebagai pusat rekreasi itu disalah guna pihak tidak bertanggungjawab sebagai lokasi aktiviti tidak bermoral.
Skuad Terjah minggu ini mendedahkan kerancangan aktiviti tidak bermoral itu sehingga hampir menghilangkan fungsi sebenar taman awam berkenaan.

■ KUALA LUMPUR 28 APRIL

SIAPA sangka taman rekreasi awam yang pada waktu siang menjadi pilihan orang ramai untuk beriadah, bertukar wajah sebagai lokasi maksiat golongan homoseksual pada sebelah malam.

Tinjauan Skuad Terjah pada malam Ahad lalu ke Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya, di sini mendapati suasana malam di tasik itu terus dicemari kehadiran pasangan songsang memadu asmara.

Sepanjang pemerhatian mendapati seawal pukul 9 malam taman di bawah kendalian Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu rancak menerima kehadiran tetamu tidak diundang sehingga pukul 4 pagi.

Beberapa buah kenderaan yang dipandu pasangan songsang itu dilihat mula memasuki kawasan tasik seterusnya mencari lokasi sesuai untuk bernesra.

Difahamkan taman-taman awam dijadikan lokasi kedua mereka selepas mengunjungi kelab malam sekitar bandar raya itu.

Suasana malam turut sama dirasai di Taman Tasik Permaisuri, Cheras di sini.

Walaupun tidak sehangat malam di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya dan sekitarnya, task kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu tidak terlepas mencuri perhatian golongan bencafsu songsang ini.

Tanpa rasa segan silu, mereka yang pada awalnya dilihat berpimpin tangan dengan sekelip mata hilang dalam keheningan malam mencari sudut tersorok di tepi tasik.

Berdasarkan pemerhatian Skuad Terjah mendapati faktor utama kedua-dua tasik berkenaan menjadi tumpuan golongan ini adalah disebabkan kurangnya pamerataan, selain aspek keselamatan dan penyelenggaraan diabaikan

pihak berkuasa tempatan.

Selain lampu pejalan kaki tidak berfungsi, kawasan taman yang tidak dipasang pagar keselamatan memudahkan sesiapa sahaja mencerooboh masuk.

Kedua-dua PBT harus memberi perhatian serius terhadap isu yang didedahkan ini agar pembukaan taman-taman awam sebagai lokasi riadah penduduk setempat tidak lari daripada tujuan asal.



29 Apr 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 1355.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 26,780.64
PR value: MYR 80,341.92 • Item ID: MY0025896598



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 4

back

REAKSI

TAMAN AWAM SARANG MAKSIAH

 "PIHAK berkuasa tempatan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan perlu memantau taman-taman awam yang disyaki menjadi tumpuan segelintir pihak menjalankan kegiatan tidak bermoral."

NOR FARHANA ABD. HAMID, 26
Pekerja swasta

.....

 "JIKA kegiatan tidak bermoral ini tidak ditangani segera, fungsi dan peranan taman awam sebagai tempat beriadah dan menghilangkan tekanan akan hilang begitu sahaja,".

FIKRI ZAINOL, 26
Kakitangan awam

.....

 "KAWALAN keselamatan perlu dipertingkat bagi memastikan taman-taman awam ini tidak terus disalah guna pihak tidak bertanggungjawab terutama pada sebelah malam,".

MOHAMED SAUFI MOHAMED DAHALAN, 44
Peniaga



29 Apr 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 1355.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 26,780.64
PR value: MYR 80,341.92 • Item ID: MY0025896598



isentia.mediaportal


Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 4 of 4

back



MENJIJKKAN.. Kondom yang bersepah di sebuah restoran lama berhampiran Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya, Selangor membuktikan berlaku aktiviti tidak bermoral.



SAMPAH sarap berteraburan di medan selera berhampiran tasik mencemarkan persekitaran.



29 Apr 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 115.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,498.48
PR value: MYR 4,495.44 • Item ID: MY0025896304



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

[back](#)

MBPJ tempatkan penguat kuasa, pasang pagar

PETALING JAYA 28 April - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menempatkan penguat kuasa serta memasang pagar di taman-taman awam di bawah pentadbirannya dalam masa terdekat.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd. Azizi Mohd. Zain berkata, langkah itu bertujuan mengekang kegiatan sege-lintir pihak tidak bertanggungjawab menjadikan taman-taman awam sebagai lokasi tidak bermoral.

Katanya, pemasangan pagar itu akan dilakukan di keliling taman itu termasuk di pintu-pintu masuk utama bagi mengehadkan masa penggunaan taman awam bagi tujuan

riadah sehingga pukul 9 malam setiap hari.

“Selepas pemasangan pagar, lampu serta bangunan yang terbiar akan diselenggara bagi memastikan taman tersebut tidak disalah guna untuk tujuan aktiviti bermoral.

“Selain itu MBPJ di bawah Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar turut merancang pelbagai pengisian aktiviti bagi manfaat orang ramai,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan Skwad Terjah berhubung taman-taman awam di bawah pihak berkuasa tempatan itu

menjadi tumpuan golongan songsiang melakukan kegiatan maksiat.

Menurut Mohd. Azizi, bangunan di hadapan tasik yang menjadi lokasi maksiat itu yang sebelum

ini disewa kepada pemilik restoran telah dikosongkan dan tindakan mengunci serta baik pulih masih di peringkat awal.

“Tindakan mengehadkan aktiviti riadah ke taman ini diharap dapat menghentikan kegiatan maksiat.

“Berhubung penutupan pada pukul 9 malam itu masih diperingkat cadangan kerana dikhuatiri terlalu lewat,” katanya.



29 Apr 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 80.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,042.42
PR value: MYR 3,127.26 • Item ID: MY0025896605



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

[back](#)

Persimpangan bertingkat Seksyen 7 dibuka

SHAH ALAM 28 April - Sebuah persimpangan bertingkat di Seksyen 7 di sini dibuka kepada pengguna bermula hari ini.

Pembinaan persimpangan bertingkat yang menelan kos hampir RM50 juta itu dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 100,000 pengguna terutama penduduk di kawasan berhampiran.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pembukaan persimpangan itu juga dapat membantu penyuraian

trafik yang kian meningkat di beberapa kawasan pada waktu puncak.

“Selain di Persiaran Kayangan, kesesakan sering berlaku di Persiaran Permai, Lorong Keluli, Persiaran Bestari, Padang Jawa, Jalan Plumbum, Jalan Kristal dan Jalan Platinum,” katanya selepas merasmikan persimpangan bertingkat berkenaan di sini.

Yang turut hadir ialah Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Neg-

eri Selangor (PKNS), Azlan Md. Alifiah.

Projek yang bermula pada 2 April 2012 itu mengambil tempoh tiga tahun untuk siap sepenuhnya dengan panjang keseluruhan kira-kira lima kilometer dan terdapat empat lorong tol dari Kuala Lumpur ke Seksyen 7.

Persimpangan itu akan melalui taman tema i-City dan pengguna perlu melepasi Plaza Tol Sungai Rasau sebelum menaiki jejambat untuk ke Seksyen 7.



back

Sultan Selangor bimbang ajaran sesat berleluasa

SHAH ALAM 28 April - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah melahirkan kebimbangan dengan penyebaran ajaran sesat di negeri ini yang dilihat masih gagal dibendung sepenuhnya oleh pihak berkuasa.

Baginda bertitah, masalah tersebut perlu ditangani bagi mengelak rakyat terjerumus dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah.

“Beta tidak mahu rakyat terjerumus dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah dan amalan kesan daripada pengaruh halus yang dilakukan oleh individu sesat dan berkepentingan,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah demikian dalam majlis penutupan Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) peringkat negeri di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim.

Sultan Selangor turut melahirkan kebimbangan dengan suasana kehidupan harmoni, perpaduan, kesatuan dan kerukunan hidup bermasyarakat yang kini semakin hilang.

Baginda bertitah, perasaan saling hormat-menghormati, bersaudara dan berkasih sayang semakin terhad disebabkan sentimen politik yang tidak berkesudahan.

“Budaya fitnah dan suka memamerkan keaiban orang lain juga semakin berleluasa dalam masyarakat.

“Fitnah dalam era dunia teknologi maklumat dan dunia tanpa sempadan ini menjadi duri dalam daging kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat. Negara dan empayar yang kuat juga boleh musnah kerana fitnah,” titahnya.

Baginda mengingatkan Majlis Agama

Islam Selangor (MAIS) dan JAIS agar memastikan institusi masjid menjadi zon aman dan pusat ibadah yang kondusif.

“Masjid janganlah digunakan sebagai tempat berpolitik. Masjid dimakmurkan sebagai pusat mendidik masyarakat, pusat ilmu, pusat penyatuan dan pembangunan ummah.

“Guru-guru KAFA juga hendaklah mengajar dengan baik dan memastikan murid-murid mendapat pelajaran yang berkualiti,” titah baginda.

Baginda bertitah, bagi memastikan nasihatnya dapat direalisasikan, MAIS, JAIS dan semua pegawai tadbir agama Islam daerah perlu memastikan hanya penceramah bertauliah dibenarkan untuk menyampaikan kuliah atau ceramah.

“Nazir-nazir masjid serta pengerusi surau pula hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) yang dikeluarkan oleh MAIS dalam memanggil penceramah-penceramah,” titahnya.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH berkenan melancarkan buku Tokoh-Tokoh Ulama Melayu Nusantara semasa majlis penutupan Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA Peringkat Negeri Selangor 2016 di Shah Alam, semalam. Turut hadir Jamil Khir Baharom (kanan), Mohamed Azmin Ali (dua dari kanan) dan Haris Kasim. - BERNAMA



29 Apr 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 84.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,094.55
PR value: MYR 3,283.65 • Item ID: MY0025896603



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

1,000 hadir program #Eco Free Market@Shah Alam

SHAH ALAM 28 April - Kira-kira 1,000 pengunjung memeriahkan program #Eco Free Market@Shah Alam anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Taman Sukan Lasak, Seksyen 13, di sini.

Dalam program tersebut, pelbagai barangan terpakai yang disumbangkan oleh orang ramai diedarkan secara percuma kepada pengunjung.

Antara barangan yang disumbangkan termasuk pakaian, aksesori, dekorasi hiasan rumah, permainan kanak-kanak, alat elek-

tronik, alat tulis dan bahan bacaan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, program tersebut mendapat sambutan menggalakkan dan rata-rata pengunjung mahu diteruskan pada masa akan datang.

“Program julung kali diadakan itu sebagai usaha menggalakkan penyertaan komuniti bandar raya ini dengan aktiviti kebajikan,” katanya di sini.

Turut mengambil bahagian dalam program itu sukarelawan

yang terdiri daripada penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Selangor (Unisel).

Shahrin menambah, matlamat penganjuran program itu juga bertujuan memupuk semangat dan sifat bersedekah kepada golongan memerlukan.

Selain itu jelasnya, edaran semula barangan terpakai secara percuma itu merupakan alternatif bagi mengelak pembaziran serta mengurangkan pembuangan ke tapak pelupusan.



29 Apr 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 292.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,771.18
PR value: MYR 17,313.54 • Item ID: MY0025896602



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back



JOHAN ABDUL AZIZ (tengah) bergambar bersama Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di semua sekolah sekitar Hulu Langat dalam Majlis Aspirasi Muafakat di Kajang, Selangor, semalam.

PPD Hulu Langat tubuh Majlis Aspirasi Muafakat YDP PIBG

KAJANG 28 April - Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat (PPD Hulu Langat) akan menubuhkan satu badan khusus iaitu Majlis Aspirasi Muafakat yang berperanan sebagai badan yang mewakili semua pihak termasuk guru dan ibu bapa.

Pengerusi Penyelaras Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Datuk Johan Abd. Aziz berkata, majlis tersebut akan disertai semua Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di semua sekolah sekitar Hulu Langat.

Katanya, usaha itu dilakukan sebagai alternatif meningkatkan ker-

jasama antara semua pihak termasuk pihak PPD, sekolah dan ibu bapa.

